



(55)

## TEKS MEDIA

### MAJLIS PENYERAHAN BIN PROGRAM #JOM RAWAT BUMI 30 SEPTEMBER 2019, LOBI BLOK D KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA.

Sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Hijau Putrajaya, satu sesi penyerahan bin program #Jom Rawat Bumi oleh pihak Alam Flora telah dianjurkan. Pengurusan sisa pepejal merupakan skop tumpuan keenam (focus area 6) dalam pelaksanaan inisiatif Bandar Hijau Putrajaya.

Skop tumpuan ini memberi fokus kepada pengurangan penjanaan sisa pepejal (reduce), penggunaan semula sisa pepejal secara inovatif (reuse) dan meningkatkan kadar kitar semula di Putrajaya (recycling). Tiga tindakan tersebut seterusnya dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantarkan ke tapak pelupusan Tanjung 12.

Program #Jom Rawat Bumi merupakan satu pendekatan baru yang dilaksanakan oleh rakan strategik PPj iaitu Alam Flora dalam meningkatkan kadar kitar semula di Putrajaya. Ianya mula dilaksanakan pada Februari 2019 di Putrajaya. Kemudahan bin 3R ini pada asalnya khas untuk kawasan perumahan apartmen di Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya merupakan bangunan bukan kediaman yang pertama di Putrajaya menggunakan kemudahan bin 3R baru ini. Penyertaan PPj sebagai perintis dalam program #Jom Rawat Bumi ini adalah selaras dengan komitmen Putrajaya dalam menyahut cabaran ‘Low Carbon Cities 2030 Challenge’ yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

PPj mengharapkan melalui program #Jom Rawat Bumi dapat menggalakkan setiap warga PPj turut terlibat dalam aktiviti kitar semula di pejabat yang dan seterusnya mengurangkan sisa pepejal Kompleks PPj yang dihantarkan ke tapak pelupusan sisa pepejal. Di samping itu, dapat membantu mencapai sasaran peningkatan kadar kitar semula 3% setiap tahun.

## LAMPIRAN FAKTA

### PROGRAM #JomRawatBumi OLEH ALAM FLORA

Program barkod #JomRawatBumi merupakan program pengasingan sisa di punca atau 'separation at source' SAS fasa kedua, yang menggunakan teknologi digital dengan konsep mata ganjaran. Program ini dilengkapi dengan fasiliti tong yang menarik, mesra pengguna dan selamat untuk penyimpanan bahan kitar semula.

#### Objektif program barkod #JomRawatBumi?

1. Melaksana operasi kutipan SAS Fasa Kedua bagi memenuhi aspirasi kerajaan ke arah pengurusan sisa pepejal yang mampan
2. Meningkatkan jumlah kutipan balik bahan kitar semula yang dihantar ke Pusat Pemerolehan Semula Sisa Pepejal (*Material Recovery Facility atau MRF*)
3. Menggunakan teknologi digital pada operasi kutipan SAS bagi meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan
4. Mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai kitar semula di kalangan penduduk menerusi program mata ganjaran

#### Kaedah perlaksanaan program barkod #JomRawatBumi?

1. Penduduk perlu mendaftar sebagai pelanggan VVIP di link <http://pos3r.mflora.com.my/account/vip> dengan menggunakan kad mesra petronas.
2. Cetak Barkod
3. Tampalkan 1 barkod di setiap bag plastik bersaiz M dan ke atas yang mengandungi bahan-bahan kitar semula
4. Masukkan bag plastik beserta barkod ke dalam tong kitar semula yang disediakan
5. Kutipan barang kitar semula di tong oleh AFSB
6. Pengimbasan barkod di fasiliti IRF AFSB
7. 5 mata ganjaran kad mesra petronas akan diberikan untuk setiap 1 barkod.

#### Pelaksanaan program barkod #JomRawatBumi

Program barkod #JomRawatBumi dilaksanakan secara berperingkat merangkumi 4 fasa di seluruh apartment Putrajaya. Program ini telah bermula pada Februari 2019.

Jadual agihan tong #JomRawatBumi adalah seperti di bawah:-

- i. Fasa 1 : Presint 8 & Presint 11
- ii. Fasa 2 : Presint 9
- iii. Fasa 3 : Presint 5, Presint 6 & Presint 18
- iv. Fasa 4 : Presint 14, Presint 15 & Presint 16
- v.

Sasaran bilangan tong #JomRawatBumi di seluruh Putrajaya 86 unit tong.